

Bicara EKONOMI

KUALA PILAH, EMAS DAN UNTUNG...

Siti Hajar Md.Jani

Jabatan Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi 72000, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

sitihajar04@uitm.edu.my

PEKAN YANG SEMPURNA

Syukur dengan ketentuan Allah berikan kepada saya. Awal kerjaya saya di UiTM Kuala Pilah, terasa diri terasing dalam negeri sendiri. Ini kerana saya tidak pernah belajar di UiTM dan pertama kali sampai di Kg.Parit Tinggi ini ketika saya ditempatkan bekerja di sini. Namun, benar kata orang "Tak kenal maka tak Cinta". Hanya setelah beberapa bulan berkhidmat di sini, penemuan harga emas, kedai emas dan institusi Ar Rahnu di sekitar dan berhampiran saya, betul-betul menyokong minat dan kegemaran saya. Bermulalah episod dari penulisan ilmiah diterjemahkan kepada aplikasi kehidupan sebenar.

Bagi saya, Kuala Pilah adalah pekan kecil yang lengkap dalam model perniagaan saya iaitu peniaga kecil secara sambilan yang menggunakan Institusi Pajakan Islam atau Ar Rahnu dalam mendapatkan pinjaman mudah jangka masa pendek. Ini kerana pilihan kedai-kedai emas yang berderet dan institusi-institusi Ar Rahnu yang juga berada di sekitarnya. Ianya sangat memudahkan saya membeli barang kemas dan memajaknya ketika perlu.

Apabila saya memerlukan modal, saya akan memajukan emas saya di Institusi Ar Rahnu tersebut. Terdapat tiga institusi Ar Rahnu di sekitar pekan Kuala Pilah iaitu Ar Rahnu Bank Rakyat, Ar Rahnu Agrobank dan Ar Rahnu Yapeim. Kedudukan Institusi-institusi Ar Rahnu tersebut di tengah-tengah pekan serta di tepi jalan utama memudahkan ia mudah dicapai oleh pelanggan. Ar Rahnu membolehkan saya mendapatkan pinjaman tunai pada pada hari yang sama transaksi dibuat tanpa memerlukan penjamin atau dokumen lain untuk pinjaman diluluskan.

Ia hanya memerlukan emas tulin sebagai cagaran dalam mendapatkan pinjaman. Kredit mudah ini juga berjangka masa pendek, fleksibel dan terdapat Institusi Ar Rahnu yang menawarkan pinjaman sehingga 18 bulan (melalui kaedah pembayaran upah pada setiap 6 bulan). Kemudian, kelebihan harga emas di Kuala Pilah yang rendah berbanding daerah lain, menjadikan ianya satu faktor tarikan bagi saya dalam memiliki emas dan menambah modal perniagaan dari semasa ke semasa.


EMAS MENJANA UNTUNG

Apabila saya berhasrat untuk membeli barang perniagaan saya akan meletakkan barang kemas di Ar Rahnu untuk di cagarkan dan mendapatkan pinjaman wang tunai segera. Selepas itu, saya akan membeli barang perniagaan. Apabila bekalan barang perniagaan sampai, saya akan jual secara langsung kepada pelanggan. Saya juga menggunakan kaedah "consignment" bagi meluaskan dan merancakkan jualan barangan saya. Setiap kali mendapat hasil jualan, saya akan terus membayar pinjaman. Pembayaran dibuat sehingga saya berjaya menebus semua barang kemas yang di pajakkan. Setelah itu, barulah saya menyimpan hasil jualan sebagai untung perniagaan saya. Dengan cara ini, secara tidak langsung saya dapat mengenal pasti keuntungan jualan selepas kos diambil kira. Ini kerana segala kos yang terlibat seperti kos pengangkutan, tiket penerbangan, hotel, makan dan minum semasa pembelian barang perniagaan di ambil dari modal pinjaman yang dibuat tanpa menggunakan duit poket sendiri.



Bicara EKONOMI

Ini bermakna, setelah semua barang kemas telah dapat ditebus, saya telah mencapai titik pulang modal. Oleh itu, hasil jualan selepas itu adalah untung bersih daripada perniagaan tersebut. Sekiranya, saya menyertai karnival jualan juga, segala kos penyewaan tapak dan kos sepanjang jualan juga akan menggunakan pinjaman yang telah dibuat. Ini memudahkan saya mengetahui untung bersih perniagaan walau tidak membuat kiraan secara sistematik. Kebiasaannya, untung bersih adalah dalam lingkungan 30 hingga 40 peratus dari modal perniagaan. Untung bersih yang saya dapat, 50 peratus akan dibelanjakan untuk ganjaran kepada ahli keluarga dan 50 peratus lagi akan saya belanjakan untuk pembelian barang kemas bagi menambah modal perniagaan saya pada masa akan datang. Berikut saya sertakan contoh pengiraan pinjaman, kos upah pinjaman, bayaran dan keuntungan perniagaan yang pernah dan selalu amalkan.



Ar-Rahnu

UTAMA TENTANG AR-RAHNU X'CHANGE PERKHIDMATAN CAWANGAN FRANCAIS MEDIA SOALAN LAZIM HUBUNGI KAMI

[← KEMBALI](#)

KALKULATOR ARX

Nilai emas anda hari ini dengan kalkulator emas kami (Dikemaskini setiap hari)

1	40.00	Tidak	=> 40.00 gm	22.0K	253.58	10,143.20
2	0.00	Tidak	=> 0.00 gm	-	0.00	0.00

Jumlah Berat : 40.00 Jumlah Marhun : 10,143.20

Peratus Pinjaman 80% 0.80

Tarikh Gadaian : 14/12/2021 Marhun : 10,143.20 Kadar Untung = 0.85

	Bulan ke 6	Bulan ke 12	Bulan ke 18
Tarikh Matang	14/06/2022	14/12/2022	14/06/2023
Jumlah Untung	364.15	366.16	364.15
Bil Hari	182	183	182

Jumlah Untung 1 hari : 2.0008592321755 Jumlah Untung Keseluruhan : 1,094.47 Bil Hari Keseluruhan : 547

Pembiayaan Maksimum (RM) ==> Margin [80%] x Nilai Marhun [10,143.20] : **8,110.00**
 Jumlah Keuntungan CPR ==> (Nilai Marhun[10,143.20] x Kadar Keuntungan[0.85] / 100) x 12 x 547/365 hari : **1,094.47**
 HARGA JUALAN BANK : **9,204.47**

Sumber: <http://arrahnuxchange.com.my/v4/ms/kalkulator-arx/>

Bicara EKONOMI

Seandainya saya memajakkan barang kemas 916 saya seberat 40 gram di Ar Rahn Exchange Bank Rakyat, pada hari ini iaitu 14 December 2021, saya akan mendapat nilai pinjaman sebanyak RM 8110.00. Jumlah ini adalah pengiraan dari harga emas 916 pada hari ini adalah RM 253.58 per gram. Dan jumlah pinjaman yang akan diberi adalah 80 peratus dari nilai emas (40gram, RM 10143.20 nilai emas) atau dikenali sebagai marhun. Dan kadar upah simpan yang dikenakan adalah RM364.15 untuk enam bulan pertama. Harga emas adalah berubah pada setiap hari. Ini bermaksud dalam tempoh enam bulan saya perlu membayar wang pinjaman beserta kadar upah iaitu:- $RM\ 8110.00 + RM\ 364.15 = RM\ 8474.15$.

Andaikan untung bersih adalah lingkungan 30 peratus dari jumlah modal. Ini bermakna keuntungan bersih daripada RM 8110 adalah RM 2433.00. Oleh itu, kebiasaannya, 50 peratus akan dibelanjakan untuk keluarga dan selebihnya untuk membeli barang kemas sebagai tambahan modal.

Bayangkan pada tahun 2010 saya mula membeli pada harga emas RM 112 per gram, di Kuala Pilah, dan kini pada hari ini harga di kedai emas Kuala Pilah adalah RM 230 per gram. Dalam tempoh 11 tahun harga emas naik sebanyak RM 118 per gram. Malahan, harga di Ar Rahn Bank Rakyat ditawarkan adalah lebih tinggi iaitu RM 253.58 per gram bagi emas 916 pada hari ini.



Gambar menunjukkan AgroBank Kuala Pilah (atas) dan Bank Rakyat Kuala Pilah. Foto oleh penulis.



Kedai- kedai Emas di sekitar Kuala Pilah. Foto oleh penulis.

